

Ada negara kaya tapi tidak maju

Penduduk bahagia jadi idaman Dr. M

J.M. - 7 AUGUST 1971

ALUR SETAR 6 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebuah negara maju yang beliau idamkan ialah di mana penduduknya hidup bahagia, terpelajar dan berilmu, dengan pendapatan yang mencukupi dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang mulia

dan beragama.

Perdana Menteri berkata, sesebuah negara itu tidak boleh dikatakan maju hanya dengan kejayaan meningkatkan pendapatan semata-mata.

Katanya, ada negara yang kaya tetapi tidak maju dan ada pula negara-negara yang maju tetapi

kehilangan moral kerana gejala-gejala buruk yang melandanya.

Berucap di Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid di sini, pagi ini, Perdana Menteri memberitahu, banyak negara Barat yang dikatakan maju, sebenarnya sudah tidak mempunyai moral lagi kera-

na lalai dengan keseronokan sehingga malapetaka menimpa mereka.

Katanya, imbangan antara dunia dan akhirat mesti ada dalam membentuk sebuah negara maju.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak yang terlibat dalam pembangunan negara memahami konsep negara maju supaya mereka tidak terpesong sehingga melakukan perbuatan-perbuatan keji yang sering dilakukan oleh mereka yang mengejar kebendaan.

Kerajaan, tegas beliau, tidak mahu wujudnya anggapan bahawa kekayaan dan kekuatan itu bermakna maju.

Beliau juga menasihatkan golongan pelajar supaya melengkapkan diri mulai sekarang dengan pengetahuan dan kecekapan bagi membangunkan negara untuk memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, Wawasan 2020 bukan untuk mereka yang membentuknya pada tahun 1991 tetapi adalah untuk generasi yang ada di bangku sekolah sekarang.

"Para penuntut merupakan harapan besar bagi kita semua mencapai cita-cita Malaysia sebagai sebuah negara maju," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, asas-asas ke arah kemajuan yang pesat dan berterusan sudahpun diadakan dengan mempunyai sistem pemerintahan yang telah diuji dan ternyata mampu menstabilkan dan membawa keamanan kepada negara.

"Kita sudah berjaya mengubah asas ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian. Kita juga telah kenalpasti dasar dan sistem yang boleh memajukan negara dengan lebih pesat."